

## FINASTERIDE

### A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?



- ✚ Merawat dan mengawal pembengkakan prostat yang bukan kanser ( *benign prostatic hyperplasia* )

### B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini bertindak dengan membantu mengecutkan kelenjar prostat yang membengkak dan memudahkan aliran air kencing

### C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

#### A. CARA MAKAN

- ✚ Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor
- ✚ Ubat ini boleh diambil sebelum atau selepas makan
- ✚ Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama



#### B. JIKA TERLUPA

- ✚ Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya
- ✚ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa

#### C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- ✚ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak

## D. PERINGATAN !!!



### ➤ **SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika;

- ✚ Pasangan anda mengandung atau merancang untuk hamil. Anda harus menggunakan kondom atau kaedah kontraseptif lain semasa mengambil ubat ini
- ✚ Sekiranya anda akan menjalani ujian darah untuk memeriksa paras PSA (prostate specific antigen) kerana ubat ini boleh mempengaruhi keputusan darah PSA

### ➤ **SEMASA MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami sebarang perubahan pada tisu payudara seperti benjolan, sakit atau keluar cecair dari puting payudara
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini



# AMARAN !!

SEKIRANYA  
TANDA-  
TANDA INI  
BERLARUTAN  
SILA  
RUJUK  
DOKTOR

## E. KESAN SAMPING UBAT

- ✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:
  - Pancutan tidak normal (penurunan jumlah air mani yang dikeluarkan semasa hubungan seks)
  - Penurunan libido
  - Ketidakupayaan untuk mengalami ereksi
  - Tindak balas hipersensitif (pruritis, ruam, urtikaria, bengkak muka/bibir)
- ✚ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor sekiranya mengalami kesan seperti berikut:
  - Perubahan pada tisu payudara seperti benjolan, rasa sakit, pembesaran payudara atau keluar cecair dari puting payudara

Rujukan:

- <https://www.medicines.org.uk/emc/files/pil.9958.pdf>
- Risalah maklumat ubat: Finagen®
- <https://www.drugs.com/mtm/finasteride.html> (accessed on 20/9/2021)

---

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

---